

**SULIT**

5226/2  
Tasawwur  
Islam  
Kertas 2  
Ogos/Sept. 2011  
2 ½ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

---

**TASAWWUR ISLAM**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan
2. **Soalan satu wajib dijawab** dan **pilih empat soalan yang lain**
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan sahaja.

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

[ Lihat sebelah

**SULIT**

2

5226/2

- 1 (a) Nyatakan pengertian Asma' wa sifat. [ 2 markah ]
- (b) Terangkan **dua** peranan agama Islam dalam membina tamadun manusia. [ 4 markah ]
- (c) Jelaskan **dua** sebab mengapa manusia memerlukan bimbingan rasul. [ 4 markah ]
- (d) Terangkan **dua** cara memulihara alam musyahadah. [ 4 markah ]
- (e) Hadis ialah sumber rujukan kedua selepas Al-Quran.
- (i) Nyatakan pengertian hadis. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** ciri hadis sahih yang boleh dijadikan hujah bagi umat Islam . [ 4 markah ]
- 2 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Rabbaniyyah. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** cara untuk menghayati sifat Rabbaniyyah. [ 4 markah ]
- (b) Waqi'iyah bermaksud praktikal dan mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.  
Terangkan **dua** bukti Islam bersifat waqi'iyah dalam bidang perundangan. [ 4 markah ]
- (c) Ajaran Islam dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan manusia.  
Senaraikan **dua** contoh konsep murunah dalam Islam. [ 4 markah ]
- (d) Thabat merupakan sifat Islam yang tetap dan tidak berubah-ubah.
- (i) Huraikan **dua** perkara yang thabat dalam ajaran Islam. [ 4 markah ]
- (ii) Nyatakan contoh perkaitan antara murunah dengan thabat dalam aspek berpakaian. [ 2 markah ]
- 3 (a) Nyatakan pengertian negara Islam. [ 2 markah ]
- (b) Huraikan **tiga** tanggungjawab rakyat terhadap negara. [ 6 markah ]
- (c) Jelaskan **dua** akibat mengabaikan tanggungjawab sebagai pemimpin. [ 4 markah ]
- (d) Terangkan **dua** matlamat utama sistem kehakiman Islam. [ 4 markah ]
- (e) Jelaskan **dua** peranan remaja dalam membangunkan sesebuah negara. [ 4 markah ]

[ Lihat sebelah  
**SULIT**

**SULIT**

3

5226/2

- 4 (a) Mencerobohi harta orang lain boleh mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan menceroboh harta. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** punca berlakunya pencerobohan harta. [ 4 markah ]
- (b) Islam menyuruh umatnya menceburi bidang pekerjaan yang halal.
- (i) Jelaskan **dua** matlamat bekerja menurut Islam. [ 4 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadah. [ 4 markah ]
- (c) Muamalah Islam dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang aman dan sejahtera.
- (i) Nyatakan pengertian muamalah. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan muamalah Islam dalam meningkatkan kualiti kehidupan muslim. [ 4 markah ]
- 5 (a) Senaraikan **empat** keunggulan perundangan Islam. [ 4 markah ]
- (b) Jelaskan **dua** perbezaan antara sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan ciptaan manusia . [ 4 markah ]
- (c) Terangkan **dua** hikmah disyariatkan hukum wajib . [ 4 markah ]
- (d) Jelaskan **dua** kepentingan diat kepada masyarakat. [ 4 markah ]
- (e) Terangkan **dua** tanggungjawab ibubapa terhadap anak. [ 4 markah ]
- 6 (a) Nyatakan **empat** amalan dalam penyelesaian masalah. [ 4 markah ]
- (b) Terangkan **dua** cara berdakwah yang berkesan. [ 4 markah ]
- (c) Huraikan **dua** punca berlakunya masalah perpecahan umat. [ 4 markah ]
- (d) Jelaskan **dua** bukti Islam mampu menyelesaikan masalah manusia. [ 4 markah ]
- (e) Bagaimanakah cara anda mengatasi masalah rakan anda yang tidak menyiapkan kerja sekolah? [ 4 markah ]

**SULIT**

4

5226/2

- 7 (a) Terangkan **dua** syarat bermuamalah secara am menurut Islam. [ 4 markah ]
- (b) Terangkan **dua** cara bermuamalah secara Islam yang melahirkan masyarakat yang adil dan sejahtera. [ 4 markah ]
- (c) Gejala rasuah masih banyak berlaku dalam kalangan masyarakat. Kemukakan **dua** cadangan untuk membanteras gejala tersebut. [ 4 markah ]
- (d) Senaraikan **empat** ciri suami yang soleh. [ 4 markah ]
- (e) Huraikan **dua** punca keruntuhan institusi perkahwinan . [ 4 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**